

## **DISKAUN BIL ELEKTRIK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020 BAGI PEMEGANG LESEN AWAM DAN PENGGUNANYA**

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi bagi mendepani kesan COVID-19 untuk memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah memutuskan untuk memberi diskaun bil elektrik bagi tempoh 1 April sehingga 30 September 2020, seperti berikut:

- i. 15% kepada enam (6) sektor perniagaan terpilih yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19, iaitu:
  - a. pengendali hotel;
  - b. agensi pengembaraan pelancongan;
  - c. pejabat syarikat penerbangan tempatan
  - d. kompleks membeli belah;
  - e. pusat konvesyen; dan
  - f. taman tema.
  
- ii. 2% kepada semua pengguna lain dalam kategori perdagangan, perindustrian dan pertanian spesifik serta pengguna domestik bagi penggunaan elektrik.

Bagi memperkukuhkan lagi ekonomi negara dan meringankan beban Rakyat, pada 27 Mac 2020, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian diskaun tambahan kepada pengguna domestik di Semenanjung Malaysia dengan memberi tumpuan kepada pengguna yang menggunakan elektrik sehingga 600kWj atau RM231.80 sebulan. Kadar diskaun adalah di antara 15% hingga 50% bergantung kepada jumlah penggunaan elektrik masing-masing bermula penggunaan 1 April hingga 30 September 2020.

Memandangkan pemberian diskaun ini akandiberikan kepada semua pengguna elektrik **yang layak** di Semenanjung Malaysia, berikut adalah soalan-soalan lazim (FAQ) mengenai kelayakan dan tatacara di bawah pemberian diskaun bil elektrik bagi **Pemegang Lesen Awam dan Penggunanya**.

Untuk makluman para Pemegang Lesen Awam, Suruhanjaya Tenaga telah mengemukakan dua (2) surat, masing-masing bertarikh 17 Mac 2020 dan 2 April 2020, mengenai tatacara serta proses pengesahan dan diminta untuk memberi maklum balas bagi mendapatkan diskaun bil elektrik seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Suruhanjaya Tenaga  
2 April 2020